

01/02/1997

Isu MAS dan prihatin orang ramai

H H

MINGGU ini, media massa khususnya akhbar teruk juga kena hentam. Isu yang dikaitkan ialah mengenai mutu Penerbangan Malaysia (MAS) dan pembatalan hasrat Sapura Holdings membeli sebahagian ekuiti UMW Holdings Bhd (UMW Holdings) yang dimiliki oleh Permodalan Nasional Bhd (PNB).

Laporan akhbar ini sejak dua minggu lalu dikatakan cuba menjatuhkan pemilik MAS. Bagaimanapun Datuk Seri Anwar Ibrahim kemudian memperjelaskan bahawa siasatan berhubung kelemahan perkhidmatan MAS tidak ada kena-mengena dengan dakwaan kononnya pihak tertentu mahu menjatuhkan Pengerusi Eksekutifnya, Tan Sri Tajudin Ramli. Menurut Timbalan Perdana Menteri, siasatan itu adalah atas dasar kepentingan awam semata-mata.

Pada Khamis, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pula menjelaskan mutu perkhidmatan MAS merosot kerana kemajuan dan pertumbuhannya yang terlalu cepat serta kekurangan tenaga mahir.

Mengenai Sapura pula, kenyataan syarikat itu berkata, notis pembatalan pemilikan UMW Holdings adalah untuk menolak maksud tersirat negatif yang dibangkitkan melalui pelbagai tuduhan oleh media massa mengenai cadangan pengambilalihan itu. Menurut Sapura tuduhan negatif oleh media mengenai cadangannya itu sebagai tidak adil dan tidak berasas sama sekali.

Berbalik kepada isu MAS, selepas laporan mengenai kemerosotan mutunya diterbitkan, ramai yang menyokong dan tidak kurang pula yang menyatakan rasa tidak puas hati terhadap apa yang dibuat oleh akhbar ini.

Ada yang kata wajar kerana jika tidak ditegur, mutu MAS terus menurun. Ada pula kata ia laporan jahat kerana cara mendedahkan kelemahan MAS itu akan mencemarkan imej syarikat, seseorang dan negara.

Begitu juga halnya dengan isu Sapura. Ada yang kata ia wajar dijadikan pengajaran terutama oleh mereka yang suka membuat kesimpulan tanpa banyak usul periksa. Di kalangan pemerhati korporat, tidak kurang pula yang berpendapat pembatalan itu sebagai satu kerugian kepada semua pihak. Kata mereka memang PNB akan hilang satu syarikat (UMW Holdings) tetapi dapat memiliki kepentingan dua syarikat awam kaunter mewah dan sebuah lagi yang akan disenaraikan tidak lama lagi.

Jika dilaksanakan, PNB akan mendapat memperolehi tunai kira-kira RM530 juta dan seperti dijelaskan oleh Sapura, jika disimpan di bank dengan kadar faedah hanya tujuh peratus setahun sekalipun, ia mampu menghasilkan pulangan bersih RM36.4 juta kepada PNB. Jumlah itu jauh lebih baik daripada hanya RM11.36 juta pendapatan dividen saham UMW Holdings pada 1995.

Apa pun, kita masing-masing mempunyai pendapat dan pandangan sendiri. Daripada yang pakar dalam hal-ehwal korporat mahupun yang tahu sikit-sikit saja menerusi pembacaan atau diberitahu oleh rakan korporat mereka, di Malaysia ini kita tidak boleh sekat sesiapa saja untuk beri pandangan, lebih-lebih lagi jika pengkritik sendiri merasakan ianya bernas dan membina.

Dalam hal MAS ini bagi Ketam Batu, apa pun pandangan, anggapan dan kritikan yang dibuat terhadap laporan akhbar ini mengenai isu itu, kita terima secara terbuka. Sebagaimana kata teman sepejabat Ketam Batu, cuma kita mahu orang lain faham di antara laporan berunsur kritik, tohmahan, fitnah, hasutan, mencari silap orang lain dan mengadu domba.

Ketam Batu juga percaya, jika akhbar sanggup dan berani membuat laporan mengkritik orang lain, kita juga mesti bersedia dan memberi ruang untuk orang lain kritik kita jika apa yang kita paparkan tidak betul. Barulah

adil namanya.

Namun, sebagai mana akhbar berharap kritikan yang dibuatnya tidak dianggap oleh orang lain sebagai mempunyai muslihat, kita juga berharap sangat janganlah sebarang kritik terhadap akhbar kemudian dibuat hanya kerana mereka yang mengkritik mempunyai muslihat dan sebab lain.

Kita tahu siapa pun tidak suka dikritik lebih-lebih lagi jika dia melihat apa yang dibuatnya saja yang betul dan orang lain tidak. Tetapi Ketam Batu percaya, hanya menerusi pandangan orang lain, kita dapat tahu sejauh mana kelemahan dan kekuatan kita.

Berdasarkan tahap pencapaian itulah, kita akan dapat mengukur kemampuan, potensi seterusnya merangka strategi untuk membangunkan diri serta negara.

Berbalik soal MAS ini, selepas pelbagai pandangan diberikan oleh semua pihak, kita semua mesti mengakui akhirnya kita secara langsung atau tidak langsung sedar dan semakin komited bahawa kita semua mempunyai tanggungjawab besar untuk memastikan MAS terus menjadi sebagai syarikat penerbangan negara disegani dunia.

Bagi Ketam Batu, walaupun ramai yang akan mencela akhbar ini, tetapi sebagai akhbar yang bertanggungjawab kita merasakan sudah melakukan sumbangan yang terdaya untuk memastikan mutu pengangkutan awam terus mendapat tempat di hati orang ramai. Kita tidak tahulah apa orang lain rasa!

Kita ucapkan terima kasih kepada semua pihak dan menyifatkan komen mereka terhadap akhbar ini menunjukkan semuanya faham aspirasi nasional dan semakin prihatin mengapa nama serta mutu perkhidmatan MAS perlu sentiasa kita jaga dan bajai.

Sebut pasal tahniah dan prihatin ini, kita juga hendak ucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada anak Malaysia, Ramli Abbas yang dilantik sebagai Naib Presiden dan Pengurus Negara bagi Motorola Malaysia Sdn Bhd. Beliau adalah anak watan pertama menjawat jawatan itu.

Sememangnya orang kita mempunyai 'class' untuk muncul sebagai pengurus bertaraf dunia. Sebagai pengurus negara, beliau tentu mempunyai tanggungjawab besar untuk memajukan syarikat itu. Kita berharap beliau disenaraikan antara mereka yang boleh dicontohi kegigihannya oleh rakyat Malaysia yang lain.

Kita juga ucap tahniah kepada Pergerakan Pemuda Umno Malaysia yang menubuhkan 'Badan Prihatin Projek Ekonomi' beberapa hari lalu. Bidang tugas badan itu ialah mengenal pasti projek ekonomi untuk dipastikan dapat disertai, dimiliki dan dilaksanakan oleh Bumiputera.

Cuma kita harap mereka bukan saja prihatin untuk pastikan Bumiputera dapat projek baru saja.

Sebaliknya mereka juga harus prihatin supaya projek lama dan yang sudah diperolehi sebelum badan ini ditubuhkan, tidak dialibabakan sebagaimana yang banyak berlaku dan diperkatakan termasuk dalam ruangan ini beberapa minggu lalu. Ketam Batu dengar ada orang masih marah lagi kerana akhbar ini dedahkan cerita itu.

(END)